3.	Tindakan Tatatertib	Tindakan tatatertib yang dikenakan terhadap pegawai hendaklah direkodkan dengan jelas dan lengkap meliputi jenis kesalahan yang disabitkan, jenis hukuman, tarikh hukuman berkuat kuasa dan tarikh Lembaga Tatatertib bersidang. Nombor rujukan surat keputusan Lembaga Tatatertib hendaklah direkodkan di ruangan "Kebenaran". Keputusan Lembaga Tatatertib yang melibatkan tahan kerja, gantung kerja atau surcaj juga perlu direkodkan.

\* Penganugerahan Darjah Kebesaran/Khidmat Cemerlang dan tindakan tatatertib hendaklah juga direkodkan di dalam "Kenyataan Perkhidmatan".

# CONTOH CATATAN UNTUK DARJAH KEBESARAN/ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Tarikh	Kebenaran	Butir-butir pujian, teguran atau tindakan tatatertib	Tandatangan pegawai yang berkuasa
19.7.2005	SUK.TR.(S)123	Dikurniakan Darjah Dato' Paduka Mahkota Terengganu (D.P.M.T) sempena Ulang Tahun ke-43 Hari Keputeraan DYMM Sultan Terengganu pada 19 Julai 2005 yang membawa gelaran Dato'	Tandatangan dan Cop Jawatan
25.4.2007	JPA(S)657	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2006	Tandatangan dan Cop Jawatan

# CONTOH CATATAN UNTUK TINDAKAN TATATERTIB

Tarikh	Kebenaran	Butir-butir pujian, teguran atau tindakan tatatertib	Tandatangan pegawai yang berkuasa
15.9.2004	KK(S)7768	Mesyuarat Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan (No.....), Kementerian Bil. 2/2004 mengenakan hukuman tangguh	Tandatangan dan Cop Jawatan


gerakan gaji bagi tempoh enam (6) bulan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2005 sehingga 31 Mei 2005.

pe  
bu  
20

Thank  
you



**Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Kampus Sabah**

A hand holding a silver pen is positioned over a document. The background is slightly blurred, showing a keyboard and other documents. The text is centered and bold.

**PENYATA  
PERUBAHAN  
MENGENAI PENDAPATAN  
SESEORANG PEGAWAI  
(KEW.8 – Pin. 10/96)**

# PENYATA PERUBAHAN MENGENAI PENDAPATAN SESEORANG PEGAWAI (KEW.8 – Pin. 10/96)

- Di dalam sesebuah Jabatan Kerajaan, Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew.8 – Pin. 10/96) adalah merupakan dokumen penting kerana ia mengandungi **REKOD YANG BERTERUSAN ke atas perubahan-perubahan yang berlaku di dalam karier seseorang pegawai** atau kakitangan semasa tempoh perkhidmatannya dengan Kerajaan.
- Kew.8 juga penting sebagai **SATU UNSUR KAWALAN KEWANGAN** kerana ia memberi kuasa untuk membuat sesuatu pembayaran kepada pegawai dan kakitangan.



# PERKARA YANG MEMERLUKAN PENYEDIAAN KEW.8

- Perubahan-perubahan yang berlaku mengenai **JAWATAN**;
- Perubahan-perubahan yang berlaku mengenai **GAJI DAN ELAUN**;
- Semua jenis cuti **KECUALI** cuti rehat, cuti tanpa rekod dan cuti gantian;
- **PERTUKARAN** pegawai di antara Bahagian / Cawangan / Unit;
- **PERSARAAN** pegawai; dan
- **PERKARA - PERKARA LAIN** sepertimana disenaraikan di Panduan Kew.8.

# PERKARA PENTING DI DALAM PENYEDIAAN KEW.8

- **PASTIKAN ADA SURAT KELULUSAN RASMI** bagi setiap perubahan jawatan, gaji dan elaun atau surat kelulusan cuti, arahan pertukaran dan sebagainya sebelum menyediakan Kew.8;
- Kew.8 hendaklah **DISEDIAKAN DI ATAS BORANG ASAL (KEW.8 – PIN.10/96)**;
- Kew.8 hendaklah **DITANDATANGANI OLEH PEGAWAI-PEGAWAI YANG TELAH DILULUSKAN** oleh Ketua Setiausaha / Ketua Pengarah seperti yang telah ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan 11 (A.P 11).
- Kew.8 hendaklah **DISEDIAKAN DAN DITANDATANGANI** dalam masa **TUJUH (7) HARI BEKERJA** selepas menerima surat rasmi berkaitan dengan sesuatu perubahan atau pertukaran;
- Setiap perubahan yang melibatkan penyediaan Kew.8 **HENDAKLAH DICATATKAN** di dalam Buku Perkhidmatan pegawai. Untuk **MENGELAKKAN KELEWATAN**, catatan tersebut hendaklah dibuat sebaik sahaja Kew.8 itu diluluskan.

# PERKARA YANG TIDAK MEMERLUKAN PENYEDIAAN KEW.8

- kelulusan Pinjaman Perumahan,
- pinjaman komputer,
- pendahuluan untuk membeli kenderaan,
- tuntutan pembelian telefon bimbit
- tuntutan perubatan / pembelian alat perubatan
- Perlindungan Insurans bagi urusan persendirian ke luar negara

Walau bagaimanapun, kelulusan-kelulusan tersebut hendaklah **DICATATKAN DI DALAM BUKU REKOD PERKHIDMATAN PEGAWAI** dan juga **REKOD PERKHIDMATAN** di Bahagian Sumber Manusia.

# CUTI TANPA GAJI

Butir-butir Perubahan	Tarikh	Gaji Bulanan	Catatan	No. Surat Kebenaran
Diluluskan Cuti Tanpa Gaji mengikut Perintah Am Bab 'C' 14(a),(b) mulai.....	15/07/2013 hingga 12/10/2013	P/TERIMA RM 0.00  RM 0.00  RM 0.00  RM 0.00	T/TERIMA RM 2,102.35  ITKA: RM 160.00  COLA: RM 150.00  ITP: RM 180.00 (Menduduki Rumah Kerajaan kelas 'F' @RM100.00 sebulan)	JPA/PEN/43/24 Jld.1 (80) Bth 25/06/2013

# CUTI TANPA GAJI MENJAGA ANAK

Butir-butir Perubahan	Tarikh	Gaji Bulanan	Catatan	No. Surat Kebenaran
Diluluskan Cuti Tanpa Gaji Menjaga Anak mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 15 Tahun 2007 mulai...	23/07/2013 hingga 20/09/2013	P/TERIMA RM 0.00	T/TERIMA RM 2,186.09	JPA(I) 180/44/1-1 Klt.18 (42) Bth 12/06/2013
Catatan: Pegawai diluluskan Cuti Tanpa Gaji Menjaga Anak kali pertama selama 60 hari		RM 0.00	ITKA: RM 160.00	
		RM 0.00	COLA: RM 150.00	
		RM 0.00	ITP: RM 100.00 (Menduduki Rumah Kerajaan kelas 'F' @RM100.00 sebulan)	

# CUTI SEPARUH GAJI


Butir-butir Perubahan	Tarikh	Gaji Bulanan	Catatan	No. Surat Kebenaran
Diluluskan Cuti Separuh Gaji selama (17 hari) mengikut Perintah Am Bab 'C' 13(a),(ii), (b) dan (d) mulai...	01/04/2013 hingga 05/04/2013	P/TERIMA RM 1,091.34	T/TERIMA RM 2,182.68	JPA/PEN/43/14 Jld.1 (83) Bth 23/04/2013
	22/04/2013 hingga 03/05/2013	RM 80.00	ITKA: RM 160.00	JPM.500-18/9 Jld.19 (9) Bth 27/05/2013
		RM 75.00	COLA: RM 150.00	
		RM 90.00	ITP: RM 180.00 (Menduduki Rumah Kerajaan kelas 'F' @RM100.00 sebulan)	JPA(T) 173/13/2-288 (6) Bth 10/06/2013

# HUKUMAN TATATERTIB

Butir-butir Perubahan	Tarikh	Gaji Bulanan	Catatan	No. Surat Kebenaran
<p>Dikenakan hukuman gantung kerja mengikut Peraturan 45(1) (a) dan Peraturan 45(2). dibaca bersama dengan Peraturan 28(6), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 berkuatkuasa mulai...</p> <p>Catatan: Pegawai tidak perlu diambil tindakan Kutipan Balik Gaji dan Emolumen kerana pegawai hadir bertugas mulai 13/03/2013 sehingga 23/04/2013 ( tarikh surat perintah gantung kerja dikeluarkan )</p>	13/03/2013	P/TERIMA RM 2,027.15	T/TERIMA RM 2,027.15	JPA.C.P.127513 (10) Bth 23/04/2013
		RM 180.00	ITP: RM 180.00	JPA.C.P.127513 (4) Bth 23/04/2013
		RM 160.00	ITKA: RM 160.00	
		RM 300.00	COLA: RM 300.00	
		RM 85.00	EDB: RM 85.00	
		RM 150.00	EPK: RM 150.00  (untuk rekod)	

# ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)

Butir-butir Perubahan	Tarikh	Gaji Bulanan	Catatan	No. Surat Kebenaran
Hadiah Prestasi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia Tahun 2012 sebanyak.....  (untuk rekod)	2013	Bayaran	RM 1,000.00	JPA.BKP (S) 149/3/6 Jld.2 (5) Bth 13/02/2013



Terima  
Kasih



**Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)**  
**Kampus Sabah**

**CUTI ATAS SEBAB PERUBATAN**

**CUTI SAKIT**

**&**

**CUTI SAKIT LANJUTAN**

**PERINTAH AM 17 (a) BAB C**

# CUTI SAKIT

**MERUPAKAN CUTI BERGAJI PENUH YANG DIBERI ATAS SEBAB-SEBAB PERUBATAN DAN PEMBERIAN KEMUDAHAN CUTI SAKIT ADALAH BAGI MEMBOLEHKAN PEGAWAI YANG DISAHKAN TIDAK SIHAT UNTUK MEMULIHKAN KESIHATANNYA, TERTAKLUK KEPADA PENERIMAAN OLEH KETUA JABATAN ATAU KUASA TERTENTU**

# **CUTI SAKIT LANJUTAN**

**DIBERI KEPADA PEGAWAI YANG DISAHKAN TIDAK SIHAT UNTUK BERTUGAS DAN PERLU REHAT YANG PANJANG SETELAH MENGHABISKAN CUTI SAKIT DI BAWAH PERINTAH AM 17(a)BAB C.**

**DILULUSKAN CUTI SECARA SEPARUH GAJI ATAU TANPA GAJI TERTAKLUK KEPADA PENUBUHAN LEMBAGA PERUBATAN**

## KELAYAKAN CS DAN CSL DALAM SATU TAHUN KALENDAR

### PROSEDUR PEMBERIAN CS DAN CSL

KATEGORI	TEMPOH	KUASA MELULUS	CATATAN
Cuti Sakit(Gaji Penuh)	90 hari	Ketua Jabatan	-
Cuti Sakit (Gaji Penuh)	90 hari	KSU	Lembaga Perubatan ditubuhkan
Tambahan 25 hari (bagi Guru)/ Cuti Rehat yang berkeelayakan bagi bukan Guru	Mengikut Kelayakan	Ketua Jabatan	
CSL (Separuh Gaji)	90 hari	KSU	Dengan Perakuan Lembaga Perubatan
CSL (Tanpa Gaji)	90 hari	KSU	Dengan Perakuan Lembaga Perubatan

# CONTOH KEW 8

## KELULUSAN KETUA JABATAN = CUTI SAKIT 90 HARI

### i. KELULUSAN KETUA JABATAN

Nama Pegawai : Encik xxxxxxxxxxxx No. K/P: xxxxxx-xx-xxxx  
Jawatan : Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG41  
Nombor Gaji Berkomputer : xxxxxxxxxxxx

Butir-butir Perubahan	Tarikh	Gaji Bulanan	Catatan	No. Surat Kebenaran
Diluluskan Cuti Sakit mengikut Perintah Am 17(a) Bab C selama 90 hari mulai ...	1.1.2010 hingga 31.3.2010	RM ..... RM ..... RM ..... RM .....	P..T.. ITKA ITP BSH	SMK xxxxxx bertarikh xxxxxx
TPG: 1 Oktober (Untuk rekod)				

Catatan: *Kew.8 ini hanya perlu dibuat jika cuti sakit yang diterima oleh pegawai melebihi 90 hari dalam satu tahun kalendar.*

# CONTOH KEW 8

**KELULUSAN KPM = CUTI SAKIT 91 HINGGA 180 HARI**

ii. **KELULUSAN KUASA TERTENTU - BAHAGIAN  
PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (BPSM),  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

Nama Pegawai : Encik xxxxxxxxxxxx No. K/P: xxxxxxx-xx-xxxx  
Jawatan : Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG41  
Nombor Gaji Berkomputer : xxxxxxxxxxxx

Butir-butir Perubahan	Tarikh	Gaji Bulanan	Catatan	No. Surat Kebenaran
Diluluskan Cuti Sakit mengikut Perintah Am 17(a) Bab C selama 90 hari mulai ...	1.4.2010	RM .....	P..T..	KP(PP) xxxxxxx bertarikh xxxxxxx
	hingga	RM .....	ITKA	
	29.6.2010	RM .....	ITP	
		RM .....	BSH	
TPG: 1 Oktober				

Kew.8 bagi pegawai jika telah ditubuhkan Lembaga

Butir-butir  
Dilulus Lanjut Gaji Elaun bersa Gaji r Am : Pekel Perkh Tahu D7 selan  
TPG:  
Butir-butir  
Dilulus Lanjut Gaji Am

# CONTOH KEW 8

**KELULUSAN KETUA JABATAN =  
CUTI SAKIT TAMBAHAN 25 HARI (BAGI GURU)**

Butir-butir Perubahan	Tarikh	Gaji Bulanan	Catatan	No. Surat Kebenaran
Diluluskan Cuti Sakit Tambahan bergaji penuh mengikut Perintah Am 53(ii) Bab C selama 25 hari mulai ...	30.6.2010 Hingga 24.7.2010	RM ..... RM ..... RM ..... RM .....	P..T.. ITKA ITP BSH	SMK xxxxxx bertarikh xxxxxx
TPG: 1 Oktober				

# CONTOH KEW 8

**KELULUSAN KPM= 206 HARI HINGGA 295 HARI  
CUTI SAKIT SEPARUH GAJI  
( SYARAT TUBUH LEMBAGA PERUBATAN)**

Kew.8 bagi pegawai jika telah ditubuhkan Lembaga Perubatan

Butir-butir Perubahan	Tarikh	Gaji Bulanan	Catatan	No. Surat Kebenaran
Diluluskan Cuti Sakit Lanjutan Secara Separuh Gaji mengikut Perintah Am 22 Bab C dan Pekeliling Perkhidmatan Bil 9 Tahun 1991, Lampiran D7 Perenggan 5(a) selama 90 hari mulai ...  TPG: 1 Oktober	25.7.2010	RM ..... x ½	P..T..	KP(PP) xxxxxxxx bertarikh xxxxxxxx
	hingga	RM ..... x ½	ITKA	
	22.10.2010	RM ..... x ½	ITP	
		RM ..... x ½	BSH	

# CONTOH KEW 8

**KELULUSAN KPM= 206 HARI HINGGA 295 HARI  
CUTI SAKIT TANPA GAJI  
( TIDAK TUBUH LEMBAGA PERUBATAN)**

Pergerakan Laporan Lembaga Perubatan yang mengesahkan kesihatan pegawai dalam keadaan baik/ beransur pulih

Kew.8 bagi pegawai jika tidak ditubuhkan Lembaga Perubatan

Butir-butir Perubahan	Tarikh	Gaji Bulanan	Catatan	No. Surat Kebenaran
Diluluskan Cuti Sakit Lanjutan Secara Tanpa Gaji mengikut Perintah Am 22 Bab C dan Pekeliling Perkhidmatan Bil 9 Tahun 1991, Lampiran D7 Perenggan 5(a) selama 160 hari mulai ...	25.7.2010 hingga 31.12.2010	RM ..... RM ..... RM ..... RM .....	P..T.. ITKA ITP BSH	KP(PP) xxxxxxxx bertarikh xxxxxx
TPG: 1 Oktober				

Catatan: a. Pegawai layak diberi Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) pada 1 Oktober 2010 jika memenuhi syarat-syarat pemberian PGT.

# CONTOH KEW 8

**KELULUSAN KPM= 296 HARI HINGGA 365 HARI  
CUTI SAKIT TANPA GAJI DIBERI BANTUAN = SEPARUH GAJI**

Garis Panduan Penyediaan Penyata Perubahan Urusan Kemudahan Cuti  
Bagi Semua Agensi di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia | 25

Butir-butir Perubahan	Tarikh	Gaji Bulanan	Catatan	No. Surat Kebenaran
Diluluskan Cuti Sakit Lanjutan Secara Tanpa Gaji dengan diberi Elaun Bantuan bersamaan Separuh Gaji mengikut Perintah Am 22 Bab C dan Pekeliling Perkhidmatan Bil 9 Tahun 1991, Lampiran D7 Perenggan 5(b) selama 70 hari mulai ...  TPG: 1 Oktober	23.10.2010 hingga 31.12.2010	RM ..... x ½	P..T..	KP(PP) xxxxxxxx bertarikh xxxxxx

Untuk tempoh ini hanya dibayar atas amaun gaji pokok sahaja. Lain-lain amaun dan bayaran hendaklah diberhentikan atau dikutip balik

Kew. 8 bagi pegawai berdasarkan laporan Lembaga Perubatan yang mengesahkan kesihatan pegawai dalam keadaan baik/ beransur pulih

Kew.8 bagi pegawai jika tidak ditubuhkan Lembaga

CONTOH SURAT  
PERMOHONAN CUTI SAKIT  
KE KPM

**CUTI ATAS SEBAB PERUBATAN**

**CUTI SAKIT BARAH**

**&**

**CUTI SAKIT TIBI , KUSTA**

**PERINTAH AM 31 & 53 BAB C**

# **CUTI SAKIT TIBI, KUSTA DAN BARAH**

**LAYAK DIPERTIMBANGKAN KEPADA  
PEGAWAI YANG TELAH DISAHKAN  
MENGIDAP PENYAKIT TIBI, KUSTA DAN  
BARAH OLEH PEGAWAI PERUBATAN YANG  
MEMERLUKAN RAWATAN YANG PANJANG**

# CUTI SAKIT TIBI, KUSTA DAN BARAH

- Mendapat rawatan perubatan percuma termasuk wad.
- **Kusta/Barah** - cuti sakit bergaji penuh tidak lebih daripada **24 bulan. (2 tahun)**
- **Tibi** - cuti sakit bergaji penuh tidak lebih daripada **12 bulan (1 tahun)**
- Jenis penyakit setaraf dengan perakuan Lembaga Perubatan.

# KUASA MELULUS CUTI SAKIT TIBI, KUSTA DAN BARAH

1

**Ketua Jabatan** luluskan cuti sakit tibi (12 bulan/360 hari)/kusta/barah(24 bulan/720 hari) gaji penuh. Sijil sakit diperlukan.

2

**Ketua Jabatan** luluskan cuti tambahan 25 hari (guru)/tempoh cuti rehat yang dilayaki (bukan guru).

3

**KSU Kementerian** luluskan cuti tibi/kusta/barah (12 bulan) **secara separuh gaji**

4

**Ketua Jabatan** rujuk ke Lembaga Perubatan dan kemukakan keputusan ada harapan sembuh ke BPSM, KPM

# CONTOH KEW 8

**KELULUSAN KETUA JABATAN (JPN, PPD & SEK PTJ)  
= 720 HARI**

Butir-butir Perubahan	Tarikh	Gaji Bulanan	Catatan	No. Surat Kebena
Diluluskan Cuti Sakit Barah Bergaji Penuh mengikut Perintah Am 31 (a) Bab C selama 145 hari di antara tarikh-tarikh berikut:	23.6.2008 hingga 30.6.2008	RM ..... RM ..... RM ..... RM .....	P..T.. ITKA ITP BSH	SMK xxxxxx bertar xxxxxx
23.6.2008 - 30.6.2008 (8 hari)	1.7.2008 hingga 31.7.2008			
1.7.2008 - 31.7.2008 (31 hari)	1.8.2008 hingga 31.8.2008			
1.8.2008 - 31.8.2008 (31 hari)	1.9.2008 hingga 30.9.2008			
1.9.2008 - 30.9.2008 (30 hari)	1.10.2008 hingga 30.9.2008			
1.10.2008 - 31.10.2008 (31 hari)	1.10.2008 hingga 31.10.2008			
1.11.2008 - 14.11.2008 (14 hari)	1.11.2008 hingga 14.11.2008			
TPG: 1 April				
(Untuk rekod)				

# CONTOH KEW 8

**KELULUSAN KETUA JABATAN (JPN, PPD & SEK PTJ)  
= 25 HARI**

Butir-butir Perubanan	Tarikh	Gaji Bulanan	Catatan	No. Surat Kelulusan
Diluluskan Cuti Tambahan Bergaji Penuh mengikut Perintah Am 53(ii) Bab C selama 25 hari kerana menghidap sakit barah mulai 7.9.2010 hingga 1.10.2010	7.9.2010	RM .....	P..T..	SMK xxxxxxxx xxxxxx.
	hingga	RM .....	ITKA	
	1.10.2010	RM .....	ITP	
		RM .....	BSH	
(Untuk rekod)				

*Catatan: Pegawai yang menggunakan kemudahan cuti rehat, baki tempoh siji sakit dan mengikut cuti rehat yang berkelayakan bagi diri pegawai (jika ada).*

# CONTOH KEW 8

**KELULUSAN KPM (KUASA TERTENTU)  
= 365 HARI (SETAHUN)**

Butir-butir Perubahan	Tarikh	Gaji Bulanan	Catatan	No. Surat Kebenaran
Diluluskan Cuti Sakit Barah secara Separuh Gaji kerana mengikut Perintah Am 31 (d) Bab C/ Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991 selama 44 hari mulai tarikh-tarikh berikut:	2.10.2010	RM ..... x ½	P..T..	KP(PP) xxxxxx bertarikh xxxxxx.
	hingga	RM ..... x ½	ITKA	
	26.10.2010	RM ..... x ½	ITP	
		RM ..... x ½	BSH	
2.10.2010 - 26.10.2010 (25 hari)	1.11.2010 hingga 19.11.2010			
1.11.2010 - 19.11.2010 (19 hari)				

**CONTOH SURAT  
PERMOHONAN CUTI SAKIT  
TIBI, KUSTA DAN BARAH  
DILULUSKAN OLEH  
KETUA JABATAN**

**KPM**

# RAWATAN DI KLINIK SWASTA CUTI SAKIT TIBI, KUSTA DAN BARAH

Rawatan di yayasan bukan kerajaan  
(Hospital Swasta) perlu  
mendapatkan kelulusan kuasa  
tertentu (KSU Kementerian)  
dengan syarat perbelanjaan  
ditanggung sendiri.

**CONTOH SURAT  
PERMOHONAN RAWATAN DI  
KLINIK SWASTA BAGI  
CUTI SAKIT TIBI, KUSTA  
DAN BARAH**

**CONTOH BORANG  
PERMOHONAN RAWATAN DI  
KLINIK SWASTA BAGI  
CUTI SAKIT TIBI, KUSTA  
DAN BARAH**



**CONTOH  
LAPORAN PERUBATAN  
BAGI PESAKIT BARAH**

## Medical Report

Attention To,

Date Of Admission And Discharge History :

Date Of Death :

Place Where Patient Received Treatment :

- Emergency Department :
- Specialist Clinic : Pusat Rawatan Onkologi
- Ward :

History and Allergies:

49yo / Malay / Male

En. Norizan first presented to the Oncology Clinic on 11/12/2014. He was initially referred from KPJ Puteri specialist for the diagnosis of Gastrointestinal stromal tumour of stomach pT4N0M0.

He had undergone partial gastrectomy and jejuno-jejunostomy roux-en-y and a transveres colectomy with colo-colic anastomosis on 31/10/2014. Post-operative period was uneventful.

He received Glivec (Imatinib 600mg Daily) under JPA approval since 16 April 2015.

Subsequently, patient did CT TAP in KPJ on 15/8/2015 which confirmed recurrent and metastatic GIST of the stomach with liver metastasis. He had history of 5 pints of blood transfusion on 31/8/2015 in Hospital Pontian for severe anaemia. OGDS done on 16/8/2015 at KPJ confirmed presened of peptic ulcer disease and he was subsequently started on T Pantoprazole 40mg Daily.

Examination:

During his last review at the Oncology Clinic on 8/9/2015, his performance status was 1.

Investigation:

usg abd 11/10/14  
an echogenic lesionin rt lobe of liver 1.1x1.3cm  
lhd /cbd not dilated

imp :

bowel mass has to be excluded

Disahkan bahawa ini  
adalah salinan yang benar  
daripada dokumen asal

  
**RUZIATI BINTI HUSIN**  
PENGETUA  
SMK TAN SRI OSMAN MOHD SA'AT  
JALAN PONTIAN JOHOR BAHRU  
82000 PONTIAN JOHOR

MRN: 540352

Page : 1



**CONTOH  
SURAT KELULUSAN  
DARIPADA KPM  
CUTI SAKIT BARAH SWASTA**




KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
(Ministry Of Education Malaysia)  
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
(Human Resource Management Division)  
ARAS 1-5 DAN 12-14, BLOK E12, KOMPLEKS E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62604 PUTERI LAYANG



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

Telefon : +603-8884 6000 (Talian Umum)  
Faks : +603-8888 6292  
Laman web : <http://www.moe.gov.my>



Rujukan Kami : KP(PP)5090/396237/(11)

Tarikh : 15 Januari 2016  
5 Rabiulakhir 1437H



Pengarah  
Jabatan Pendidikan Negeri Johor  
Wisma Pendidikan  
Susur 7, Jalan Tun Abdul Razak  
80604 JOHOR BAHRU  
(u.p : Puan Enny Suhailis binti Sulieman)

Tuan,

**KELULUSAN RAWATAN SAKIT BARAH DI HOSPITAL SWASTA  
PUAN CHONG SING SING NO KP : 790112-12-5748  
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN GRED DG41**

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa saya telah diarah merujuk kepada surat tuan bil. JPNJ.PKHD(26)/500-1/5/2 Jilid 3(44) bertarikh 16 Disember 2015 mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan **Puan Chong Sing Sing** untuk mendapatkan rawatan sakit barah di **Puteri Specialist Hospital, Johor Bahru** adalah diluluskan mengikut *Perintah Am 31 (a) Bab 'C'* dengan syarat segala perbelanjaan rawatan di Hospital tersebut ditanggung sendiri oleh pegawai.
3. Sila catatkan kelulusan ini di dalam *Kenyataan Perkhidmatan* dan *Kenyataan Cuti* pegawai.

Sekian, terima kasih.

**"SEHATI SEJIWA"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menyuat perintah,

( ROKIAH BINTI MD TOP )  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
b.p Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Tel : 03-8884 7793  
Faks : 03-8884 7824  
Emel : [rokiahmt@moe.gov.my](mailto:rokiahmt@moe.gov.my)

**CUTI ATAS SEBAB PERUBATAN**

**KAEDAH PENERIMAAN  
SIJIL SAKIT SWASTA  
PP BIL 2 TAHUN 2006**


- Perintah Am 15 Bab C - penerimaan sijil sakit swasta melebihi 2 hari dalam satu sijil oleh KJ telah dipinda melalui PP 2/2006.
- PP 2/2006 - Ketua Jabatan boleh menerima sijil sakit yang dikeluarkan oleh seseorang doktor/hospital swasta (tanpa perlu disahkan Pegawai Perubatan Kerajaan) bagi cuti sakit yang tidak melebihi :-
  - **15 hari** (pesakit luar)
  - **180 hari** (pesakit dalam/tinggal dalam wad)
- dalam satu tahun kalendar.
- tarikh kuatkuasa mulai 27 April 2006.

# DEFINISI PESAKIT LUAR

MERUJUK KEPADA PEGAWAI YANG  
MENDAPATKAN RAWATAN SEBAGAI  
PESAKIT LUAR DI KLINIK/HOSPITAL SWASTA  
**TANPA PERLU** DIMASUKKAN KE WAD

# **DEFINASI PESAKIT DALAM**

**MERUJUK KEPADA KEADAAN DIMANA  
PEGAWAI DIMASUKKAN DALAM WAD  
HOSPITAL/ KLINIK SWASTA KERANA  
MEMERLUKAN RAWATAN LANJUT**



# **KAEDAH PENERIMAAN SIJIL SAKIT SWASTA**

**SURAT EDARAN KPM:  
KPMSP 500-4/2/1 JLD 4 (56)  
BERTARIKH 16.11.2015**

## KAEDAH PELAKSANAAN PENERIMAAN SIJIL SAKIT SWASTA KATEGORI PESAKIT LUAR DAN PESAKIT DALAM

### Contoh Kes 1 :

Pegawai A telah dimasukkan (*admit*) ke hospital swasta pada 16 Februari 2015 hingga 18 Februari 2015 (3 hari). Pegawai telah dibenarkan keluar (*discharge*) dari hospital pada 19 Februari 2015. Walau bagaimanapun, Pegawai A mendapat sambungan cuti sakit mulai 19 Februari 2015 hingga 5 Mac 2015 (15 hari). Ini menjadikan jumlah keseluruhan cuti sakit yang diperolehi dalam satu sijil sakit bagi tempoh mulai 16 Februari 2015 hingga 5 Mac 2015 adalah sebanyak 18 hari.

BIL	TARIKH DALAM SATU SIJIL SAKIT	TINGGAL DI WAD	BEREHAT DI RUMAH	RAWATAN SUSULAN	PENKELASAN
1.	16 Februari 2015 hingga 5 Mac 2015 (18 hari)	16 Februari 2015 hingga 18 Februari 2015 (3 hari)	19 Februari 2015 hingga 5 Mac 2015 (15 hari)	Tiada	<p><b>Pesakit Dalam :</b></p> <p>16 Februari 2015 hingga 5 Mac 2015 (18 hari)</p> <p>[* tidak memerlukan tandatangan timbal (<i>endorsement</i>) Pegawai Perubatan Kerajaan sekiranya jumlah cuti sakit yang diterima tidak melebihi 180 hari dalam satu tahun kalender]</p>

## KAEDAH PELAKSANAAN PENERIMAAN SIJIL SAKIT SWASTA KATEGORI PESAKIT LUAR DAN PESAKIT DALAM

### Contoh Kes 2 :

Pegawai A telah dimasukkan (*admit*) ke hospital swasta pada 16 Februari 2015 hingga 18 Februari 2015 (3 hari). Pegawai telah dibenarkan keluar (*discharge*) dari hospital pada 19 Februari 2015. Walau bagaimanapun, Pegawai A mendapat sambungan cuti sakit mulai 19 Februari 2015 hingga 5 Mac 2015 (15 hari). Ini menjadikan jumlah keseluruhan cuti sakit yang diperolehi dalam satu sijil sakit bagi tempoh mulai 16 Februari 2015 hingga 5 Mac 2015 adalah sebanyak 18 hari.

Walaupun bagaimanapun, pegawai perlu mendapatkan rawatan susulan (*follow-up*) pada 2 Mac 2015 walaupun tempoh sijil sakit yang diterima berakhir pada 5 Mac 2015. Pada 2 Mac 2015, pegawai telah diperiksa oleh doktor swasta dan didapati masih belum sembuh sepenuhnya dan memerlukan tempoh pemulihan tanpa perlu masuk ke wad. Pegawai telah diberi sijil sakit mulai 2 Mac 2015 hingga 31 Mac 2015 (30 hari).

BIL	TARIKH DALAM SATU SIJIL SAKIT	TINGGAL DI WAD	BEREHAT DI RUMAH	RAWATAN SUSULAN	PENGGELASAN
1.	16 Februari 2015 hingga 5 Mac 2015 (18 hari)	16 Februari 2015 hingga 18 Februari 2015 (3 hari)	19 Februari 2015 hingga 5 Mac 2015 (15 hari)	Tiada	<b>Pesakit Dalam :</b>  16 Februari 2015 hingga 1 Mac 2015 (14 hari)
2.	2 Mac 2015 hingga 31 Mac 2015 (30 hari)	Tiada	2 Mac 2015 hingga 31 Mac 2015 (30 hari)	2 Mac 2015	<b>Pesakit Luar :</b>  2 Mac 2015 hingga 31 Mac 2015 (30 hari)  (* Sijil sakit swasta pesakit luar perlu ditandatangani <b>timbang</b> ( <i>endorse</i> ) oleh Pegawai Perubatan Kerajaan sekiranya jumlah cuti sakit yang diterima <b>melebihi 15 hari</b> dalam sesuatu tahun kalendar.

## KAEDAH PELAKSANAAN PENERIMAAN SIJIL SAKIT SWASTA KATEGORI PESAKIT LUAR DAN PESAKIT DALAM

### Contoh Kes 3 :

Pegawai B menerima sijil sakit swasta bagi tempoh mulai **16 Mei 2015** hingga **6 Jun 2015 (22 hari)** dalam satu sijil sakit dan terdapat cop perkataan "*hospitalization leave*".

BIL	TARIKH DALAM SATU SIJIL SAKIT	TINGGAL DI WAD	BEREHAT DI RUMAH	RAWATAN SUSULAN	PENGGELASAN
1.	16 Mei 2015 hingga 6 Jun 2015 (22 hari)	16 Mei 2015 hingga 6 Jun 2015 (22 hari)	Tiada	Tiada	<p><b>Pesakit Dalam :</b></p> <p>16 Mei 2015 hingga 6 Jun 2015 (22 hari)</p> <p>[* tidak memerlukan tandatangan timbal (<i>endorsement</i>) Pegawai Perubatan Kerajaan sekiranya jumlah cuti sakit yang diterima tidak melebihi 180 hari dalam satu tahun kalender]</p>



**CONTOH SIJIL SAKIT SWASTA  
YANG DICOP  
'HOSPITALIZATION LEAVE'**



**PANTAI HOSPITAL**  
Batu Pahat

PANTAI HOSPITAL BATU PAHAT  
(Branch of Hospital Pantai Ayer Keroh Sdn. Bhd. Co. No. 6527 H)  
9S, Jalan Bintang Satu, Taman Koperasi Bahagia, 83000 Batu Pahat, Johor, Malaysia.  
Tel: 607-433 8811 / 2228 Fax: 007-433 1881  
Website: www.pantai.com.my E-mail: admin@hpbp.com.my

**Hospitalization MC**

**MEDICAL CERTIFICATE**

Name : MOHD ZAKI B. MD SUHADI No.: 96759  
NRIC : 730323-01-5333

I certify that I have examined the above named and find that he / she is :


Unfit for work for 01/01/2015 to 18/01/2015 day (s) from (Inclusive)

Light duty for ..... day (s) from ..... to ..... (inclusive)

For re-examination on ..... atar

Date : 07/4/15

*Handwritten Signature*  
DR. MOHD NOOR HAZRIN HASHIM  
M.B.B.S (ADELAIDE, AUSTRALIA), M.S ORTH (UKM)  
CONSULTANT ORTHOPAEDIC AND TRAUMA SURGEON  
PANTAI HOSPITAL BATU PAHAT  
9S, Jalan Bintang Satu, Taman Koperasi Bahagia,  
83000 Batu Pahat, Johor, Malaysia.  
Tel: 07-433 8811 / 2228 Fax: 07-433 1881  
Doctor Signature & Company Official Stamp




**CONTOH SIJIL SAKIT SWASTA  
YANG TELAH  
DI TANDATANGAN TIMBAL  
(ENDORSEMENT)  
OLEH PEGAWAI PERUBATAN  
KERAJAAN**



The background features a dense pattern of light blue water droplets of various sizes. At the top, there are stylized, wavy blue lines that create a sense of movement and depth, resembling waves or a sky gradient.

**SEKIAN  
TERIMA KASIH**



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

# Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Kelompok



# Cuti Tanpa Rekod Kelompok

Penambahbaikan Cuti Tanpa Rekod melalui Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA)



Lebih fleksibel



Kalis masa hadapan



*Let managers manage*

**Kemudahan CTR distruktur semula:**

- i. Pewujudan CTR Kelompok
- ii. 13 CTR sedia ada dikekalkan



# CUTI TANPA REKOD (CTR) KELOMPOK

(Ceraian SR.5.7.1 PPSM Versi 1.0 (2024))

## SYARAT UMUM

- **Maksimum 20 hari setahun kalendar** tertakluk kepada **baki CTR Kelompok**;
- Boleh **mengambil mana-mana jenis CTR** Kelompok mengikut syarat yang ditetapkan;
- **Bilangan hari CTR (fleksibel)** mengikut keperluan dan tempoh yang ditetapkan;
- **Termasuk** Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
- Tertakluk kepada **kelulusan Ketua Jabatan**; dan
- Hendaklah direkodkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan.

BIL.	CTR KELOMPOK	KAEDAH PENGGUNAAN
1.	Isteri Bersalin	Bilangan hari fleksibel mengikut syarat khusus
2.	Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat	
3.	Menjaga Ahli Keluarga Sakit*	
4.	Umrah	
5.	Keagamaan	
6.	Mengambil Peperiksaan	Bilangan hari ditetapkan mengikut syarat khusus
7.	Hadir Mahkamah Luar Ibu Pejabat	
8.	Menghadiri Aktiviti Koperasi	
9.	Lawatan Kebudayaan Di Luar Negeri	
10.	Pertandingan Musabaqah Al-Quran	
11.	Jurulatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)	
12.	Aktiviti Khidmat Masyarakat	
13.	Sumbangan Ilmu Peringkat Antarabangsa *	
14.	Program Pertukaran Peringkat Antarabangsa*	
15.	Menghadiri mesyuarat/ bengkel/ seminar anjuran Pihak Pekerja MBK*	
16.	Hari Mengundi*	
17.	Rawatan Hemodialisis*	
18.	Perayaan* ( <i>Good Friday</i> , <i>Deepavali</i> , <i>Christmas Eve*</i> , <i>Hari Raya Haji Kedua*</i> dan <i>Thaipusam*</i> )	

# 1. CTR KELOMPOK ISTERI BERSALIN

## Tempoh:

Boleh diambil di antara 1 hingga 20 hari dalam satu tahun kalendar (fleksibel) tertakluk kepada baki CTR Kelompok.

## Syarat:

- i. Diberikan kepada pegawai lelaki untuk membantu urusan ketika isterinya bersalin.
- ii. Bermula pada tarikh isteri pegawai bersalin atau pada hari berikutnya jika isterinya bersalin selepas waktu pejabat.
- iii. Masa selepas waktu pejabat juga terpakai bagi Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am.
- iv. Dihadkan kepada lima (5) kali sepanjang tempoh perkhidmatan.
- v. Dipanjangkan kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang diarah bertugas semasa cuti penggal persekolahan atau bertugas semasa penggal persekolahan.
- vi. Mengemukakan salinan perakuan bersalin isterinya kepada Ketua Jabatan.



## 2. CTR KELOMPOK URUSAN KEMATIAN AHLI KELUARGA TERDEKAT

### Tempoh:

Boleh diambil di antara 1 hingga 20 hari dalam satu tahun kalendar (**fleksibel**) tertakluk kepada baki CTR Kelompok.



### Syarat:

- i. Untuk menziarahi jenazah dan membantu urusan berkaitan dengan ahli keluarga terdekat;
- ii. Keluarga terdekat: **suami, isteri, ibu kandung atau ibu angkat, bapa kandung atau bapa angkat, ibu mentua, bapa mentua, anak kandung, anak angkat yang sah di sisi undang undang, anak angkat de facto, anak pelihara, adik-beradik, nenek dan datuk kepada pegawai;**
- iii. Terhad bagi **seorang ibu mentua dan seorang bapa mentua sahaja** sepanjang tempoh perkhidmatan Kerajaan;
- iv. **Bermula pada tarikh kematian** ahli keluarga terdekat atau pada **hari berikutnya** jika ahli keluarga berkenaan meninggal dunia **selepas waktu pejabat;**
- v. Masa selepas waktu pejabat juga terpakai bagi Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am;

# *Sambungan.*

- vi. Mengemukakan Salinan dokumen pengesahan kematian ahli keluarga terdekat apabila pegawai kembali bertugas; dan
- vii. Kemudahan ini turut terpakai kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang diarah bertugas semasa cuti penggal persekolahan atau bertugas semasa penggal persekolahan.

### 3. CTR KELOMPOK MENJAGA AHLI KELUARGA SAKIT

*Tempok:*

Boleh diambil di antara 1 hingga 20 hari dalam satu tahun kalendar (**fleksibel**) tertakluk kepada baki CTR Kelompok.

*Syarat:*

i. Tujuan menjaga ahli keluarga yang sakit;

ii. **Keluarga meliputi:**

Isteri, suami, anak-anak, ibu kandung, ibu angkat, ibu mentua, ibu tiri, bapa kandung, bapa angkat, bapa mentua, bapa tiri, adik-beradik, nenek dan datuk kepada pegawai. Istilah anak termasuk anak kandung, anak angkat yang sah di sisi undang-undang, anak angkat de facto, anak pelihara dan anak tiri tanggungan;

iii. Digunakan untuk menjaga ahli keluarga yang sakit di **mana-mana lokasi;**

iv. **Pegawai perlu mengemukakan:**

- salinan sijil sakit atau perakuan sakit daripada Pegawai Perubatan Kerajaan/ Swasta; dan
- pengesahan Pegawai Perubatan Kerajaan/ Swasta bahawa ahli keluarga yang sakit tersebut memerlukan bantuan dan penjagaan rapi.

v. **Tidak boleh digunakan bagi tujuan** untuk menjaga anak yang menghadapi penyakit berjangkit atau memerlukan pengasingan dibawah **peraturan SR.5.4.4** (Kemudahan Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin Atau Memerlukan Pengasingan).



# 4. CTR KELOMPOK UMRAH

## Tempoh:

Boleh diambil di antara 1 hingga 20 hari dalam satu tahun kalendar (**fleksibel**) tertakluk kepada baki CTR Kelompok.

## Syarat:

- i. Diberikan kepada pegawai yang beragama Islam untuk menunaikan **ibadah umrah** di **tanah suci Mekah** dan **ziarah di Madinah**;
- ii. **Sekali sahaja (one-off)** sepanjang tempoh **perkhidmatan**, yang meliputi perkhidmatan di bawah semua Pihak Berkuasa Melantik; dan
- iii. Permohonan Cuti Umrah hendaklah **disertakan** dengan **dokumen perjalanan** bagi kelulusan Ketua Jabatan.



# 5. CTR KELOMPOK KEAGAMAAN

## Tempoh:

Boleh diambil di antara 1 hingga 20 hari dalam satu tahun kalendar (**fleksibel**) tertakluk kepada baki CTR Kelompok.

## Syarat:

- i. **Pegawai bukan beragama Islam** untuk mengunjungi dan melaksanakan aktiviti keagamaan di tempat tempat keagamaan **dalam dan luar negara** mengikut agama dan kepercayaan masing-masing;
- ii. **Sekali sahaja (*one-off*) sepanjang tempoh perkhidmatan**, yang meliputi perkhidmatan di bawah semua Pihak Berkuasa Melantik;
- iii. Permohonan hendaklah **disertakan dengan dokumen berkaitan** bagi kelulusan Ketua Jabatan; dan
- iv. Bagi tujuan mengunjungi dan melaksanakan aktiviti keagamaan di luar negara, pegawai perlu **mematuhi nasihat perjalanan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia** dari semasa ke semasa.



# 6. CTR KELOMPOK MENGAMBIL PEPERIKSAAN

## Tempoh:

Terhad pada **hari peperiksaan sahaja** maksimum 20 hari dalam satu tahun kalendar tertakluk kepada baki CTR Kelompok.

## Syarat:

- i. Diberikan kepada pegawai untuk membolehkan seseorang pegawai **menduduki sebarang peperiksaan** bagi **membaiki peluang hidup** di masa hadapan.
- ii. Peperiksaan merangkumi:
  - a. **peperiksaan bertulis/ lisan** (fizikal atau dalam talian);
  - b. **peperiksaan fizikal** (contoh: Ujian Kecergasan Jasmani Kebangsaan- (UKJK));
  - c. **penilaian bagi tujuan lantikan** ke skim perkhidmatan tertentu;
  - d. **pembentangan kertas penyelidikan** di universiti (peringkat viva voce); dan
  - e. **temuduga** (fizikal atau dalam talian).



# 7. CTR KELOMPOK HADIR MAHKAMAH LUAR IBU PEJABAT

## Tempoh:

Mengikut **tempoh sebenar** untuk hadir di mahkamah termasuk perjalanan pergi dan balik, maksimum 20 hari dalam satu tahun kalendar tertakluk kepada baki CTR Kelompok.

## Syarat:

Diberikan kepada pegawai yang **disapina** untuk hadir ke mahkamah di luar Ibu Pejabat sebagai **saksi pihak bukan Kerajaan**.



# 8. CTR KELOMPOK MENGHADIRI AKTIVITI KOPERASI

## Tempoh:

Mengikut **tempoh sebenar** maksimum 20 hari dalam satu tahun kalendar tertakluk kepada baki CTR Kelompok.

## Syarat:

Diberikan kepada pegawai yang menjadi anggota koperasi untuk menghadiri aktiviti koperasi yang diadakan dalam atau di luar Malaysia seperti berikut:

- a. kursus, latihan dan seminar anjuran Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) atau Institut Koperasi Malaysia (IKMA); atau
- b. Mesyuarat koperasi.

# 9. CTR KELOMPOK LAWATAN KEBUDAYAAN DI LUAR NEGERI

## Tempoh:

mengikut tempoh yang diperlukan bagi lawatan kebudayaan tersebut maksimum 20 hari dalam satu tahun kalendar tertakluk kepada baki CTR Kelompok.

## Syarat:

- i. Diberikan kepada pegawai yang dipilih untuk **mengambil bahagian** dalam lawatan kebudayaan di luar negeri; dan
- ii. Anjuran Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Komunikasi atau Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.



# 10. CTR KELOMPOK PERTANDINGAN MUSABAQAH AL-QURAN

## Tempoh:

- Diberikan bagi tempoh yang diperlukan untuk menyertai dan mengambil bahagian dalam majlis berkenaan Pertandingan Musabaqah Al-Quran termasuk perjalanan pergi dan balik.
- maksimum 20 hari dalam satu tahun kalendar tertakluk kepada baki CTR Kelompok.

## Syarat:

Menyertai Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran **Peringkat Kebangsaan** dan **Antarabangsa** sebagai **peserta** atau **pembimbing**.



# 11. CTR KELOMPOK JURULATIH PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA (PLKN)

## Tempoh:

Mengikut **tempoh sebenar program** termasuk **perjalanan pergi dan balik**, maksimum 20 hari dalam satu tahun kalendar tertakluk kepada baki CTR Kelompok.

## Syarat:

- i. Diberikan kepada pegawai yang **dilantik sebagai jurulati PLKN**;
- ii. Diluluskan CTR bagi tempoh berikut:
  - a. mengikuti **kursus untuk jurulatih**; dan
  - b. menjalankan **tugas sebagai jurulatih**.



# 12. CTR KELOMPOK AKTIVITI KHIDMAT MASYARAKAT

## Tempoh:

Maksimum lima 5 hari dalam satu tahun kalendar tertakluk kepada baki CTR Kelompok.

## Syarat:

- i. Diberikan kepada pegawai yang melaksanakan **aktiviti khidmat masyarakat dalam negara** dengan **pertubuhan yang diluluskan** bagi menggalakkan penyertaan pegawai dalam aktiviti khidmat masyarakat;
- ii. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Jabatan dengan **mengemukakan surat daripada pertubuhan** mengenai aktiviti yang akan dilaksanakan; dan
- iii. Sekiranya aktiviti khidmat masyarakat yang dilaksanakan kurang daripada empat (4) jam, pegawai hendaklah menggunakan Peraturan Kebenaran Untuk Meninggalkan Pejabat Dalam Waktu Bekerja di Bawah Perintah Am 5 Bab G - Mematuhi Waktu Bekerja (Ceraian SR.4.2.2).



\*Pertubuhan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 atau pertubuhan yang mempunyai akta penubuhan sendiri/ undang-undang khusus yang lain atau yayasan yang ditubuhkan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 atau Akta Syarikat 2016 atau undang-undang khusus lain yang berkuat kuasa di dalam negara

# 13. CTR KELOMPOK SUMBANGAN ILMU PERINGKAT ANTARABANGSA

## Tempoh:

Mengikut tempoh sebenar program termasuk perjalanan pergi dan balik, maksimum 20 hari dalam satu tahun kalendar tertakluk kepada baki CTR Kelompok.

## Syarat:

- i. Diberikan kepada pegawai yang memberi sumbangan ilmu di peringkat antarabangsa;
- ii. Pegawai mendapat jemputan untuk memberi sumbangan ilmu di peringkat antarabangsa seperti pembentangan kajian, ahli panel dan penceramah. Sumbangan ilmu peringkat antarabangsa adalah termasuk yang diadakan di Malaysia atau luar Malaysia;
- iii. Tidak menyalahi undang-undang yang berkuat kuasa; dan
- iv. Bukan merupakan tugas rasmi pegawai.



# 14. CTR KELOMPOK PROGRAM PERTUKARAN PERINGKAT ANTARABANGSA

## Tempoh:

Mengikut **tempoh sebenar** program termasuk perjalanan pergi dan balik, maksimum 20 hari dalam satu tahun kalendar tertakluk kepada baki CTR Kelompok.

## Syarat:

- i. Diberikan kepada pegawai yang **mengikuti program pertukaran peringkat antarabangsa**;
- ii. **Mendapat jemputan** untuk menyertai program di bawah **kelolaan kementerian/ jabatan/ agensi Kerajaan** yang diadakan di **Malaysia ataupun luar Malaysia**; dan
- iii. **Tidak termasuk** program **kelolaan swasta/ persendirian**.



# 15. CTR KELOMPOK MENGHADIRI MESYUARAT/BENGKEL/SEMINAR ANJURAN PIHAK PEKERJA MBK

*Tempoh:*

Mengikut tempoh sebenar program, maksimum 20 hari dalam satu tahun kalendar tertakluk kepada baki CTR Kelompok.

*Syarat:*

- i. Diberikan kepada pegawai atau ahli Pihak Pekerja Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) bagi menghadiri aktiviti yang dianjurkan oleh Pihak Pekerja MBK; dan
- ii. Mendapat jemputan daripada Pengerusi/ Setiausaha Pihak Pekerja MBK bagi menghadiri mesyuarat, bengkel dan seminar anjuran Pihak Pekerja MBK.



# 16. CTR KELOMPOK HARI MENGUNDI

## Tempok:

Pada tarikh sebenar pegawai mengundi tertakluk kepada baki CTR Kelompok.

## Syarat:

- i. Diberikan kepada pegawai bagi tujuan mengundi; dan
- ii. Pegawai merupakan pemilih berdaftar bagi Pilihan Raya Umum (PRU), Pilihan Raya Negeri (PRN) dan Pilihan Raya Kecil (PRK).



# 17. CTR KELOMPOK RAWATAN HEMODIALISIS

## Syarat:

- i. tujuan **mendapatkan rawatan hemodialisis;**
- ii. Pegawai hendaklah mengemukakan **dokumen pengesahan** Pegawai Perubatan Kerajaan/ Swasta untuk menjalani rawatan hemodialisis;
- iii. Rawatan hemodialisis dilaksanakan di hospital Kementerian Kesihatan, badan bukan kerajaan, pusat dialysis swasta, pusat rawatan di universiti-universiti, pusat rawatan dialisis angkatan tentera dan rumah/ lokasi lain **yang mendapat kelulusan Pegawai Perubatan Kerajaan/ Swasta;**

## Tempoh:

**Mengikut tarikh rawatan hemodialisis** yang telah ditetapkan maksimum 20 hari dalam satu tahun kalendar, tertakluk kepada baki CTR Kelompok.

- iv. Pusat rawatan hemodialisis swasta hendaklah berdaftar di bawah Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586);
- v. Pegawai **tidak diberikan sijil sakit** selepas mendapatkan rawatan hemodialisis; dan
- vi. Sekiranya pegawai menerima sijil sakit selepas mendapatkan rawatan hemodialisis, pegawai perlu menggunakan kemudahan Cuti Sakit.



# 17. CTR KELOMPOK PERAYAAN

## Tempok:

1 hari dalam satu tahun kalendar bagi setiap perayaan tertakluk kepada baki CTR Kelompok.

## Syarat:

Perayaan di bawah kemudahan CTR Kelompok ini adalah seperti berikut:

1. Good Friday;
2. Deepavali;
3. Christmas Eve;
4. Hari Raya Haji Kedua; dan
5. Thaipusam.



# CTR KELOMPOK PERAYAAN



## 1. GOOD FRIDAY

Diberikan kepada **pegawai yang menganut agama Kristian** sempena perayaan **Good Friday** di negeri-negeri yang perayaan Good Friday bukan merupakan Hari Kelepasan Am.



## 2. CHRISTMAS EVE

Diberikan kepada pegawai yang **menganut agama Kristian** di negeri-negeri yang perayaan **Christmas Eve** bukan merupakan Hari Kelepasan Am.

# CTR KELOMPOK PERAYAAN

## 3. DEEPAVALI

- i. Bagi pegawai yang menganut agama Hindu yang berkhidmat di negeri-negeri yang perayaan Deepavali adalah merupakan Hari Kelepasan Am, CTR Deepavali diberikan bagi menyambut perayaan Hari Deepavali sama ada sehari sebelum atau pada hari kedua Perayaan Deepavali sebagai tambahan kepada cuti umum Hari Deepavali;
- ii. Bagi pegawai yang menganut agama Hindu yang berkhidmat di Sarawak (negeri yang perayaan Deepavali bukan merupakan Hari Kelepasan Am), pelaksanaan CTR Deepavali adalah seperti berikut:
  - a. sekiranya Hari Deepavali jatuh pada hari bekerja, pegawai boleh memohon CTR Deepavali pada hari tersebut; atau
  - b. sekiranya Hari Deepavali jatuh pada hari Ahad, pegawai boleh memohon CTR Deepavali pada hari bekerja berikutnya.



# CTR KELOMPOK PERAYAAN




## 4. HARI RAYA HAJI KEDUA

Diberikan kepada pegawai yang **beragama Islam** iaitu pada **hari kedua** sebagai tambahan kepada cuti umum **Hari Raya Haji di negeri-negeri yang perayaan Hari Raya Haji Kedua** bukan merupakan Hari Kelepasan Am.



## 5. THAIPUSAM

Diberikan kepada pegawai yang menganut **agama Hindu** bagi menyambut **perayaan Thaipusam** di negeri negeri yang perayaan Thaipusam bukan merupakan Hari Kelepasan Am.



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

# TERIMA KASIH

